

TEKS UCAPAN
BRIG.JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA
MAJLIS TAKLIMAT PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2012-2015 DAN SESI DIALOG BERSAMA TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN II
PADA 7 MAC 2014 DI KAMPUS TETAP, PAUH PUTRA

SALUTASI

Terima kasih pengerusi Majlis

Yang Berbahagia, Dr Hayati Ismail, Pengurus Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU), Kementerian Pendidikan Malaysia,

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Bin Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UniMAP,

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UniMAP,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Abdul Hamid Adom, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Delegasi-delegasi dari Kementerian Pendidikan Malaysia,

Yang Berusaha Prof. Madya Razli Bin Ahmad, Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni,

Wakil – wakil Media, Anak-anak pelajar yang saya kasihi

Seterusnya hadirin hadirat yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam 1Malaysia, Salam Ilmu Keikhlasan dan Kecemerlangan UniMAP.

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, saya ingin merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kita dipertemukan di dalam ***Program Taklimat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2012-2015 dan Sesi Dialog Bersama Timbalan Menteri Pendidikan II*** anjuran ***Kementerian Pendidikan Malaysia*** buat julung kalinya diadakan di universiti ini.
2. Sekalung penghargaan saya ucapkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia di atas kesudian untuk hadir ke kampus kami yang serba sederhana ini. Semoga dengan perlaksanaan taklimat pada petang ini akan memberi gambaran yang jelas buat anak-anak pelajar saya mengenai ***Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2012-2015***.
3. Syabas dan tahniah juga di ucapkan kepada ahli jawatan kuasa program kerana berkat usaha, dedikasi dan semangat saling kerjasama yang utuh dalam mencanai idea dan seterusnya merealisasikan program pada petang ini.

SISTEM PENDIDIKAN NEGARA

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Inovasi sistem pendidikan merupakan tunjang pembangunan negara. Sistem ini telah menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada generasi kini dan generasi sebelumnya bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan memakmurkan negara. Sesungguhnya, kejayaan sistem pendidikan adalah hasil kegigihan semua pihak terutamanya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri.

5. Kejayaan Negara menyediakan peluang pendidikan dalam tempoh yang singkat selepas merdeka telah diakui dan diiktiraf oleh pertubuhan antarabangsa, seperti UNESCO dan Bank dunia.
6. Dalam usaha mencapai aspirasi yang tinggi dengan persekitaran persaingan global yang semakin sengit, kita tidak boleh leka. Sebagai mahasiswa, anak-anak pelajar perlu menjadi mekanisma untuk membantu melaksanakan perubahan besar terhadap keseluruhan sistem pendidikan semasa kearah melonjakkan pencapaian semua mahasiswa.
7. Tidak dinafikan bahawa proses pelaksanaan transformasi pendidikan memerlukan pendekatan dan strategi baharu agar setiap mahasiswa mampu memiliki dan menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Saya percaya kejayaan dalam melaksanakan dan menjayakan pelan pembangunan pendidikan ini juga bergantung kepada komitmen serta kerjasama dari semua pihak. Tanpa adanya kesungguhan dan semangat berpasukan serta kerjasama padu dari semua pihak, usaha yang dilakukan tidak akan membawa hasil seperti yang diharapkan. Kita juga perlu peka terhadap apa yang berlaku di sekeliling kita dan sentiasa memahami segala undang-undang, peraturan, perancangan dan perlaksanaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa serta berupaya menjadi penyumbang kepada pembangunan negara.
9. Besarlah harapan saua untuk meningkatkan lagi keupayaan jentera pentadbiran UniMAP bersama mahasiswa dalam memberikan komitmen

yang lebih efisien kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan.

PENUTUP

10. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada semua pemimpin pelajar kerana dapat hadir dan seterusnya mengikuti taklimat pada petang ini.
11. Saya juga ingin menyeru kepada semua anak-anak pelajar agar memberikan perhatian sebaik mungkin kepada taklimat sebentar lagi. Selain turut melibatkan diri semasa sesi dialog bersama Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar lagi. Gunakan sebaik mungkin platform yang diberikan ini kearah memberikan kefahaman yang mendalam terhadap pembangunan pendidikan kerana anak-anak pelajar adalah tunggak pembangunan Negara.

Sekian, Wassalaualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh